



YAYASAN KEBAJIKAN NEGARA MALAYSIA

SIARAN MEDIA

'PERASMIAN ANJUNG KASIH YKN HOSPITAL SULTANAH BAHYIAH, ALOR SETAR, KEDAH'

ALOR SETAR, 13 Jan – Majlis Perasmian Anjung Kasih YKN Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar, Kedah telah disempurnakan oleh YB Puan Hannah Yeoh, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat pada hari ini. Anjung Kasih YKN Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar, Kedah ini merupakan **Anjung Kasih YKN ke-12** yang telah siap sepenuhnya dan mula beroperasi pada **5 Januari 2020**.

Anjung Kasih YKN ialah rumah penginapan sementara yang disediakan kepada pesakit atau waris pesakit yang sedang mendapat rawatan di hospital kerajaan secara percuma. Anjung Kasih ini dapat memberi manfaat kepada pesakit atau waris pesakit miskin yang memerlukan penginapan sewaktu mendapatkan rawatan atau mengiringi pesakit disebabkan jarak antara rumah dan hospital yang jauh. Projek Anjung Kasih YKN ini telah memberi manfaat kepada **75,299 orang penghuni** bagi **12 buah Anjung Kasih** yang telah beroperasi di seluruh negara.

Selain Anjung Kasih ini, YKN juga bertanggungjawab mengoperasikan 5 buah **Anjung Singgah YKN** dan satu Pusat Transit Gelandangan Kuala Lumpur iaitu perkhidmatan penginapan sementara, yang memberi khidmat sosial dan intervensi kepada golongan gelandangan. Sehingga kini, lima (5) buah Anjung Singgah YKN di seluruh negara ini telah memberi manfaat kepada **7,656 orang penghuni** sejak penubuhannya pada tahun 2011.

YKN juga menyediakan khidmat **YKN Dialisis** iaitu pusat rawatan dialisis yang mesra pesakit dan keluarga. Terdapat enam (6) buah YKN Dialisis di seluruh negara yang sedang beroperasi. Pada tahun 2019, YKN telah menaja **104 orang pesakit dialisis dengan kos perbelanjaan sebanyak RM1,622,000.00**.

Pada tahun 2019, **bantuan sumbangan YKN** kepada masyarakat berjumlah **RM3,446,079** yang memberi **manfaat kepada 19,023 orang** yang terdiri dari bantuan Kesihatan, bantuan Pendidikan, bantuan Pemerkasaan Komuniti dan bantuan Perihatin Komuniti.

YKNM juga sentiasa membuka ruang dan mengalu-alukan kepada mana-mana pihak sama ada syarikat korporat, orang perseorangan untuk bekerjasama dengan YKNM untuk tampil bersama-sama YKNM bagi melaksanakan projek yang sangat membantu golongan yang memerlukan. **Setiap sumbangan wang tunai akan diberikan resit pengecualian cukai di bawah Subseksyen 44 (6) Akta Cukai Pendapat 1967.**

Sumbangan boleh disalurkan melalui akaun bank YKNM seperti berikut:

Nama Akaun	Yayasan Kebajikan Negara Malaysia	
Bank	Alliance Islamic Bank Berhad	Maybank Islamic Berhad
Nombor Akaun	160140010004801	568621012284

Hadir sama YB Dato' Wira Haji Amiruddin Haji Hamzah, Timbalan Menteri Kewangan Malaysia, YBhg. Dato' Junaidah Kamarruddin, Ketua Setiausaha, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YBrs. Encik Ooli Gunalan A/L Manickam, Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Pengurusan) mewakili Ketua Setiausaha, Kementerian Kesihatan Malaysia, YB Dato' Dr. Ismail Salleh, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Negeri Kedah, YB Halimaton Shaadiah Saad, Pengerusi Jawatankuasa Wanita, Keluarga & Masyarakat dan Pembasmi Kemiskinan, Negeri Kedah, YBhg. Datin Paduka Che Asmah Ibrahim, Ketua Pegawai Eksekutif YKNM, dan YBrs. Dr. Zaiton Udin, Pengarah Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar.

Disediakan oleh : Bahagian Dana dan Komunikasi Korporat
Yayasan Kebajikan Negara Malaysia,
Aras 8, Bangunan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat,
No. 55, Persiaran Perdana, Presint 4,
62100 Putrajaya.

No. Telefon : 03 – 8323 2437 / 03-8323 2420

Tarikh dikeluarkan : 12 Januari 2020